

FAQ- RENEWAL 2021

Acronym

AC	Accredited Checker
BC	Body Corporate
BEM	Board of Engineers Malaysia
CPD	Continuing Professional Development
ECP	Engineering Consultancy Practices
IOW	Inspector of Works
MCO	Movement Control Order
MD	Multidisciplinary
PE	Professional Engineer
PEPC	Professional Engineer with Practising Certificate
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PN	Partnership
SP	Sole Proprietorship

PE, PEPC, IOW – PAYMENT , REBATE & COMMON ISSUES

Q1: Do I need to pay renewal registration fee in full and later BEM rebate accordingly of either by cheque or online payment?

Perluakah saya bayar yuran pembaharuan pendaftaran dengan penuh dan LJM akan membuat rebat sama ada melalui cek atau pembayaran atas talian kemudiannya?

A1: No. MyBEM Online System will automatically calculate the amount due for fee payment after considering the rebate by BEM.

Tidak perlu. Sistem atas talian MyBEM secara automatik mengambil kira jumlah yuran bayaran yang diperlukan dengan mengambil kira rebat dari LJM.

Q2: Can I make the renewal registration by making payment from online banking such as Maybank2U or CIMB Clicks without going through MyBEM online system?

Bolehkah saya membuat pembaharuan pendaftaran dengan membuat bayaran secara atas talian menggunakan Maybank2U atau CIMB Clicks tanpa perlu melalui sistem atas talian MyBEM?

A2: No. You cannot renew your registration by making payment via Maybank2U or CIMB Click without going through MyBEM Online System. Renewal process (start from 2 November 2020 until 31 January 2021) requires 3 steps as follows:

1. Creation and submission of CPD record 2020
2. Application for renewal of registration 2021 which can only be done via MyBEM online system and in which, some declarations are required.
3. Exact payment via FPX only

In addition, certificate of registration and payment receipt are all generated from MyBEM online system.

Tidak. Anda tidak boleh membarui pendaftaran anda dengan membuat pembayaran melalui Maybank2U atau CIMB Clicks tanpa melalui sistem dalam talian MyBEM. Proses pembaharuan (bermula dari 2 November 2020 hingga 31 Januari 2021) memerlukan 3 langkah seperti berikut:

1. *Pembuatan dan penyerahan rekod CPD 2020.*
2. *Permohonan pembaharuan pendaftaran 2021 hanya dapat dilakukan melalui sistem dalam talian MyBEM dan di mana beberapa pengisytiharan perlu dibuat.*
3. *Pembayaran tepat melalui FPX sahaja*

Di samping itu, perakuan pendaftaran dan resit pembayaran semuanya dihasilkan dari sistem dalam talian MyBEM.

Q3: I am currently overseas and unable to pay via FPX. Can I pay my renewal of registration through telegraphic transfer?

Saya sekarang berada luar negara dan tidak dapat membuat pembayaran melalui FPX. Bolehkah saya membuat bayaran pembaharuan pendaftaran melalui pemindahan bertelegraf?

A3: As long as you have a bank account in Malaysia with internet banking facilities, you are able to utilise FPX for the renewal of registration. In the event you do not have any local accounts and have to use telegraphic transfer, please contact finance@bem.org.my for further instruction.

Sekiranya anda mempunyai akaun bank di Malaysia dengan kemudahan perbankan internet, anda boleh menggunakan FPX untuk pembaharuan pendaftaran. Sekiranya anda tidak mempunyai akaun bank tempatan dan perlu menggunakan pemindahan bertelegraf, sila hubungi finance@bem.org.my untuk arahan lanjut.

Q4: I am a PE who is more than 60 years old. What will be the rebate looked like?

Saya adalah PE yang berumur lebih 60 tahun. Apakah bentuk rebat tersebut?

A4: Based on the current renewal fee, the rebate for PE, PEPC, AC and IOW shall be as the following:

Berdasarkan yuran pembaharuan semasa, rebat untuk PE, PEPC, AC dan IOW adalah seperti berikut:

No	Registration Category <i>Kategori Pendaftaran</i>	Normal Renewal Fee <i>Yuran Pemhaharuan semasa</i>	Renewal Fee 2021 (50% Rebate) <i>Yuran Pembaharuan 2021 (Rebate 50%)</i>
1	Professional Engineer with Practicing Certificate	RM400.00	RM200.00
2	Professional Engineer <ul style="list-style-type: none">Below 60 years60 years and above	RM200.00 RM100.00	RM100.00 RM50.00
3	Accredited Checker <ul style="list-style-type: none">Below 60 years60 years and above	RM200.00 RM100.00	RM100.00 RM50.00
4	Inspector of Works	RM30.00	RM15.00

Q5: Is there any rebate for reinstatement?

Adakah rebat untuk pemasukan semula?

A5: No. Rebate is only applicable for renewal of registration.

Tidak. Rebate hanya diberikan kepada pembaharuan pendaftaran.

Q6: When is the last date of renewal?

Bilakah tarikh akhir pembaharuan?

A6: The last date for renewal of registration is 31 January 2021

Tarikh akhir pembaharuan pendaftaran adalah pada 31 Januari 2021

Q7: Can I have the certificate and payment receipt immediately?

Bolehkah saya mendapatkan sijil dan resit pembayaran dengan segera?

A7: Yes. You will get the certificate and payment receipt in electronic form from MyBEM online system. BEM no longer send or issue hardcopy certificate and payment receipt

Ya. Anda akan mendapat sijil dan resit pembayaran dalam bentuk elektronik dari sistem dalam talian MyBEM. BEM tidak lagi menghantar atau mengeluarkan sijil dan resit pembayaran.

Q8: Can I have payment receipt to be dated in 2021 although payment is made in December 2020?

Bolehkah tarikh resit pembayaran tertera dalam tahun 2021 walaupun pembayaran dibuat pada bulan Disember 2020?

A8: No. Date on the payment receipt will be the date when the payment is processed and receipt is issued. If you wish to have the payment receipt dated 2021, it is advised to carry out your renewal process starting from 1 January 2021.

Tidak. Tarikh pada resit pembayaran tarikh apabila bayaran diproses dan resit dikeluarkan. Sekiranya anda ingin mempunyai resit pembayaran bertarikh 2021, anda disarankan untuk membaharui pendaftaran anda bermula 1 Januari 2021.

Q9: Can I still submit manual renewal registration? Is the manual renewal form available?

Masih bolehkah saya mengemukakan pembaharuan pendaftaran secara manual? Adakah borang pembaharuan secara manual masih ada?

A9: No. BEM does not issue manual renewal form anymore. Renewal process is now conducted through MyBEM online system only.

Tidak. BEM tidak lagi mengeluarkan borang pembaharuan manual. Proses pembaharuan pendaftaran kini hanya boleh dilakukan melalui sistem dalam talian MyBEM.

Q10: Can I make renewal via walk in to BEM office?

Bolehkah saya membuat pembaharuan secara jumpa terus ke pejabat BEM?

A10: BEM discourage renewal via walk into BEM office especially during MCO. However, should you still wish to come to BEM office, you are advised to make an appointment first and come on set date and time. BEM staff will assist you to use MyBEM online system at BEM lobby.

BEM tidak menggalakkan pembaharuan melalui kaedah jumpa terus ke pejabat BEM terutamanya semasa PKP. Walau bagaimanapun, sekiranya anda masih ingin datang ke pejabat BEM, anda dinasihatkan membuat temu janji terlebih dahulu dan datang pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Pegawai BEM akan membantu anda menggunakan sistem dalam talian MyBEM di lobi BEM.

Q11: Can I make payment via cheque, bank draft, postal order or money order?

Bolehkah saya membuat bayaran melalui cek, bank draf, wang pos atau kiriman wang?

A11 Based on our notice for renewal registration, these types of manual payment is no longer accepted. Only payment using FPX through MyBEM online system is allowed.

Berdasarkan notis pembaharuan pendaftaran, jenis pembayaran secara manual ini tidak lagi diterima. Hanya pembayaran menggunakan FPX melalui sistem dalam talian MyBEM sahaja yang dibenarkan.

Q12: I have just registered as PE in September 2020. Do I still need to renew my registration as PE for year 2021?

Saya baru sahaja mendaftar sebagai PE pada bulan September 2020. Adakah saya perlu membaharui pendaftaran saya sebagai PE untuk tahun 2021?

A12 Yes. In your certificate of approval of registration mentioned that the registration is valid until 31 December 2020.

Ya. Tarikh sahlaku yang tertera pada sijil kelulusan pendaftaran anda adalah sehingga 31 Disember 2020.

Q13: Do I need to update and change my address or contact number before renewing my registration?

Perlukah saya mengemaskini dan menukar alamat atau nombor perhubungan saya sebelum membaharui pendaftaran saya?

A13: Yes, it is advisable to update your address and contact number in MyBEM online system. According to Section 14 of Registration of Engineers Act 1967, every registered Person and Engineering consultancy practice shall notify the Registrar of any change in his or its business address within three months of the change.

Ya, anda dinasihatkan mengemaskini alamat dan nombor perhubungan anda dalam sistem dalam talian MyBEM. Menurut Seksyen 14 Akta Pendaftaran Jurutera 1967, setiap Orang Berdaftar dan syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan yang berdaftar dikehendaki mamaklumkan kepada Pendaftar mengenai sebarang perubahan pada alamat atau alamat perniagaannya dalam masa tiga bulan dari perubahan tersebut.

Q14: Is there any platform for me to ask instead of using email or phone call?

Adakah cara lain untuk saya mengemukakan pertanyaan selain daripada email atau telefon?

A14: Yes. You may use our live chat in MyBEM Online System. Or you may email to the specific person as below. Please state “RENEWAL OF REGISTRATION” as subject of the email for us to prioritise.

Ya. Anda boleh menggunakan kaedah sembang-langsung (live-chat) kami melalui sistem dalam talian MyBEM. Atau anda boleh menghantar e-mel kepada pegawai tertentu seperti di bawah. Sila nyatakan “PEMBAHARUAN PENDAFTARAN” sebagai tajuk e-mel agar e-mel tersebut diberi keutamaan.

CPD	:	cpd@bem.org.my
PE/PEPC	:	pe@bem.org.my
IOW	:	iow@bem.org.my
ECP	:	eep@bem.org.my

Q15: I am a PEPC and currently working in Canada. Can I renew my PEPC?

Saya PEPC dan sedang bekerja di Kanada. Bolehkah saya memperbaharui pendaftaran PEPC saya?

A15: Section 10(4) of the Registration of Engineers Act 1967 (up to 2015) stated that:

“No person shall be entitled to be registered as a Professional Engineer with Practicing Certificate unless he is at the time of application for or renewal of registration, and has been for a period not less than six months prior to the date of application or renewal, residing in Malaysia”

In your case, you may renew your registration provided that you have resided in Malaysia for not less than 6 months prior to the date of renewal of registration. You are advise to revert your registration from PEPC to PE in order to maintain your professional status should you are not able to comply with the above requirements.

Seksyen 10 (4) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (sehingga 2015) menyatakan bahawa:

"Tidak ada orang yang berhak didaftarkan sebagai Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan melainkan beliau pada masa permohonan pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran, telah selama tidak kurang daripada enam bulan sebelum tarikh permohonan atau pembaharuan pendaftaran, menetap di Malaysia ”

Dalam kes anda, anda boleh memperbaharui pendaftaran anda dengan syarat anda telah tinggal di Malaysia tidak kurang dari 6 bulan sebelum tarikh pembaharuan pendaftaran. Anda dinasihatkan untuk menukar kategori pendaftaran anda dari PEPC ke PE bagi mengekalkan status profesional anda sekiranya anda tidak dapat memenuhi syarat di atas.

Q16: I am a registered PEPC. I retired last year and wish to revert as a PE. What should I do?

Saya berdaftar sebagai PEPC. Saya telah bersara tahun lepas dan berhasrat kembali menjadi PE. Apakah yang perlu saya lakukan?

A16: You may inform BEM your intention to revert to PE via email to pe@bem.org.my or write officially to BEM. The application to revert to PE will be presented to Application Committee for consideration.

Sila maklumkan hasrat anda untuk kembali sebagai PE melalui email, pe@bem.org.my atau melalui surat rasmi kepada BEM. Permohonan anda akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Permohonan untuk pertimbangan.

Q17: I have reverted my professional registration from PEPC to PE 2 years ago. Now I wish to convert to PEPC. What is the procedure?

Saya telah menukar pendaftaran profesional saya dari PEPC kepada PE 2 tahun yang lalu. Sekarang saya ingin menukar semula ke PEPC. Apakah prosedurnya?

A17: Please submit your application to BEM via official letter by stating reasons for converting to PEPC. Your application will be presented to Application Committee for consideration.

Sila kemukakan permohonan anda melalui surat rasmi kepada BEM dengan menyatakan alasan pertukaran kepada PEPC. Permohonan anda akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Permohonan untuk pertimbangan.

Q18: If previously I was declared as bankrupt, can I renew my registration?

Sekiranya saya pernah diisytiharkan muflis (bankrupt), bolehkah saya membuat pembaharuan?

A18: You may provide letter of release from Insolvency Department to BEM before proceeding with the renewal process.

Anda perlu mengemukakan surat pelepasan daripada Jabatan Insolvensi sebelum boleh membuat proses pembaharuan.

ECP – Renewal & Rebate

Q19: What will be the renewal fee for ECP with rebate?

Berapakah yuran pembaharuan ECP dengan rebat?

A19: The renewal fee for ECP with rebate is as the following schedule.

Yuran Pembaharuan ECP dengan rebat adalah seperti yang tertera di dalam jadual berikut:

Engineering Consultancy Practices (ECP)

No	Registration Category <i>Kategori Pendaftaran</i>	Normal Renewal Fee <i>Yuran Pemhaharuan semasa</i>	Renewal Fee 2021 (50% Rebate) <i>Yuran Pembaharuan 2021 (Rebate 50%)</i>
1	Body Corporate	RM1,000.00	RM500.00
2	Multi-disciplinary Practice	RM1,000.00	RM500.00
3	Partnership	RM500.00	RM250.00
4	Sole Proprietorship	RM250.00	RM125.00

Q20: I have just registered my ECP in November 2020. Do I still need to renew my ECP registration for year 2021?

Saya baru sahaja mendaftar sebagai ECP pada bulan November 2020. Adakah saya perlu membaharui pendaftaran saya sebagai PE untuk tahun 2021?

A20: Yes in your current ECP certificate of registration mentioned that the registration is valid until 31 December 2020.

Ya. Tarikh sahlaku yang tertera pada sijil kelulusan pendaftaran ECP adalah sehingga 31 Disember 2020.

Q21: If an ECP would like to change the Director information, can it be done before renewing or after renewing the registration year 2021?

Sekiranya sebuah syarikat ECP ingin menukar maklumat Pengarah, bolehkah ianya dilakukan sebelum membaharui pendaftaran atau setelah membaharui pendaftaran tahun 2021?

A21: It is advised for ECP to carry out necessary change of Director information prior renewal process because ECP is required to follow Regulation 34A (Director formation) and 34B (shareholding).

Syarikat ECP dinasihatkan supaya melakukan perubahan maklumat Pengarah sebelum proses pembaharuan kerana ECP dikehendaki mematuhi Peraturan 34A (pembentukan pengarah) dan Peraturan 34B (pegangan saham).

Q22: Can I proceed to renew my ECP without getting all Directors (PEPC/PE) to renew first?

Bolehkah saya meneruskan pembaharuan ECP saya tanpa membaharui pendaftaran Pengarah (PEPC / PE) terlebih dahulu?

A22: No, the MyBEM system will not allow for you to proceed with renewal process of ECP. Please ensure all ECP's Director/s (PEPC/PE) have renewed individual registration first.

Tidak, sistem MyBEM tidak akan membenarkan anda meneruskan proses pembaharuan ECP. Sila pastikan semua Pengarah ECP (PEPC / PE) telah membaharui pendaftaran individu terlebih dahulu.

Q23: We have just registered our Body Corporate (BC) and Multi-discipline (MD) company. We are having difficulty to provide the annual return report (Section 68 of Companies Act 2016) as required for renewal process. Can we be exempted from submitting this annual return report?

Kami baru mendaftarkan syarikat Pertubuhan Perbadanan (BC) dan Multi-disiplin (MD). Kami menghadapi kesukaran untuk menyediakan laporan penyata tahunan (Seksyen 68, Akta Syarikat 2016) sebagaimana yang diperlukan untuk proses pembaharuan. Bolehkah kami dikecualikan daripada menyerahkan laporan penyata tahunan ini?

A23: You may appeal in writing to waive the requirement to submit the annual return report to BEM by uploading in the MyBEM online system (under column "Annual Return")

Anda boleh memohon kepada BEM secara bertulis untuk dikecualikan daripada syarat menyerahkan laporan penyata tahunan dengan memuat naik dalam sistem dalam talian MyBEM (di bawah lajur "Annual Return")

CPD

Q24: Due to MCO, PE, PEPC and IOW find it difficult to undergo CPD Programme and opportunity to conduct CPD Activity is very limited in general.

Disebabkan MCO, PE, PEPC dan IOW merasa sukar untuk menjalani Program CPD dan, peluang untuk menjalankan aktiviti CPD, pada umumnya, sangat terhad.

A24: Good news! BEM has approved 100% waiver on CPD Requirement for Registration Renewal 2021 to all PE, PEPC and IOW.

BEM is currently conducting BEM Webinar throughout year 2020 to keep all registered person abreast with general engineering knowledge. Please stay tune at BEM website and we will keep you update.

Berita baik! BEM telah meluluskan pengecualian 100% terhadap keperluan CPD bagi Pembaharuan Pendaftaran 2021 kepada semua PE, PEPC dan IOW.

BEM sedang mengadakan Webinar BEM sepanjang tahun 2020 untuk memastikan semua Orang Berdaftar mengemaskini pengetahuan kejuruteraan am. Sila semak laman web BEM untuk berita terkini BEM Webinar 2020.

Q25: I have recorded my CPD for year 2020 amounting 30 CPD hours as PEPC. Can my collected CPD be considered too? Do I have to apply for the announced CPD waiver?

Saya telah merekodkan CPD tahun 2020 sebanyak 30 jam CPD sebagai PEPC. Bolehkah jam CPD terkumpul tersebut diambil kira? Perlukah saya memohon pengecualian CPD yang diumumkan oleh Menteri Kerja Raya baru-baru ini?

A25: You do not need to apply for the CPD exemption or waiver that was announced by the Minister of Works recently. BEM will provide administratively additional 50 CPD hours for PEPC and additional 25 CPD hours for PE from what has been collected. The additional CPD hours will only be given after CPD record 2020 has been created and submitted to BEM via MyBEM Online System. The sample calculation for PEPC as follows:

Self-collected CPD	30 CPD hours
<u>Additional CPD</u>	<u>50 CPD hours</u>
<u>Total CDP</u>	<u>80 CPD hours</u>

Anda tidak perlu memohon pengecualian CPD yang telah diumumkan baru-baru ini. Secara pentadbiran, BEM akan memberikan tambahan 50 jam CPD kepada PEPC dan tambahan 25 jam CPD kepada PE dari apa yang telah mereka kumpulkan. Jam CPD tambahan hanya akan diberikan setelah rekod CPD 2020 dibuat dan diserahkan kepada BEM melalui sistem dalam talian MyBEM. Contoh/sampel pengiraan untuk PEPC seperti berikut:

<i>Kumpulan CPD</i>	<i>30 CPD jam</i>
<i><u>Tambahan CPD</u></i>	<i><u>50 CPD jam</u></i>
<i><u>Jumlah CPD</u></i>	<i><u>80 CPD jam</u></i>